



# Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Seksyen Media  
Unit Komunikasi Korporat  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur  
Tel : 03-2617 9812

Faks : 03-2694 1373

e-mel : [akhbar@dbkl.gov.my](mailto:akhbar@dbkl.gov.my)

( )dlm.DBKL / UHEAA - SM / 04

## **MAKLUMBALAS MEDIA**

Pengarang  
Streets mail  
New Straits Times

### **Taman Metropolitan Batu service is the pits!**

Kami merujuk kepada surat *Siti Aisyah Abdul Rahman, Pandan Indah Kuala Lumpur* di ruangan Streets mail bertarikh 25 Mei 2009 dan ingin memaklumkan mengenainya.

Terlebih dahulu DBKL memohon maaf di atas kesulitan yang dialami oleh pengadu ketika menjalankan aktiviti di taman tersebut baru-baru ini.

DBKL dari semasa ke semasa sentiasa mempertingkat dan menambah aktiviti di setiap taman-taman awam supaya pengunjung dapat menikmati dan menggunakan segala kemudahan yang disediakan.

Taman Metropolitan Batu juga merupakan salah satu taman yang dipelbagaikan aktiviti riadah yang bertema sukan lasak seperti "extreme game", BMX serta "wall climbing". Memandangkan kawasan ini berpotensi untuk aktiviti kekeluargaan dan kumpulan maka aktiviti "barbeque" juga disediakan di taman ini selain daripada pelbagai aktiviti untuk semua peringkat umur.

Penyediaan aktiviti "barbeque" seharusnya digunakan oleh pengunjung untuk acara berkumpulan atau berkeluarga. DBKL memang mengalakkan aktiviti tersebut dijalankan oleh pengunjung.

Walau bagaimanapun, dalam menjalankan aktiviti "barbeque", sememangnya disediakan beberapa syarat dan peraturan supaya ianya tidak memberi gangguan atau ketidakselesaan kepada pengunjung lain. Aktiviti seumpama ini perlulah mendapat kebenaran dan kelulusan terlebih dahulu daripada DBKL sebelum ianya dilaksanakan.

DBKL mengakui tiada papantanda dipasang di kawasan tersebut memandangkan DBKL sedang dalam proses mempertingkatkan maklumat-maklumat di papantanda tersebut bagi memberikan informasi yang lebih terperinci serta memudahkan pengunjung mendapatkan maklumat untuk membuat tempahan segera bagi aktiviti-aktiviti bukan sahaja di Taman Metropolitan Batu malahan di semua taman-taman awam di sekitar Kuala Lumpur di bawah penyeliaan DBKL.

Maklumat-maklumat yang dipertingkatkan adalah seperti berikut :

**1. Aktiviti-aktiviti "barbeque" dan tapak Hari Keluarga:**

*'Bagi menjalankan aktiviti di atas, pengunjung boleh membuat tempahan serta merta di Pejabat Tapak'.*

**Taman Metropolitan Batu**

**Talian : 03 62594270**

**Penyelia : Encik Rodzuan bin Abd. Hamid**

Lain-lain aktiviti di taman-taman awam:

**2. Aktiviti bersampan, tapak Hari Keluarga :**

**Taman Metropolitan Kepong / Manjalara**

**Talian : 03 62594270**

**Penyelia : Encik Rodzuan bin Abd. Hamid**

**Taman Tasik Perdana , Taman Lembah Kiara, Taman Rimba Kiara,  
Padang Merbok & Tugu Negara**

Talian : 03 20210812

Penyelia : Encik Kassim bin Muhammad

**Taman Tasik Titiwangsa**

Talian : 03 40238294

Penyelia : Encik Bistamam bin Che Long

**Taman Tasik Permaisuri, Taman Pudu Ulu & Taman Bukit Jalil**

Talian : 03 92855832

Penyelia : Encik Ramlan bin Mohd Tahir

Sekian.

**ANWAR BIN MOHD ZAIN**

Pengurus Komunikasi Korporat  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur  
25 Mei 2009  
30 Jamadilawal 1430H

-Tamat-